

PESEFTI PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN BENTHO SEMESTER PERTAMA TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN WEB

ANIKAH TARIKZI BIK MUHAMMAD
AZIAN BIK RAMLI
ANUAR BIK RORDIN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00121118 8

BORANG PENGESAHAN STATUS SEMINAR KAJIAN KES*

JUDUL: PERSEPSI PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN KUITTHO SEMESTER
PERTAMA TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN WEB

SESI PENGAJIAN: 2000/2001

Saya ANUAR BIN NORDIN (751019-01-5585) (MT 001012)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan seminar kajian kes * Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Hak milik Seminar Kajian kes adalah di bawah nama penulis melainkan penulisan sebagai projek bersama dan dibiayai oleh KUiTTHO, hakmiliknya adalah kepunyaan KUiTTHO.
2. Naskah salinan di dalam bentuk kertas atau mikro boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada penulis.
3. Perpustakaan KUiTTHO dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
4. Seminar kajian kes hanya boleh diterbitkan dengan kebenaran penulis. Bayaran royalti adalah mengikut kadar yang dipersetujui kelak.
5. * Saya membenarkan/ tidak membenarkan Perpustakaan membuat salinan seminar kajian kes ini sebagai bahan pertukaran diantara institusi pengajian tinggi.
6. ** Sila tandakan (✓)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)


Alamat Tetap : 109 Kg Makam, 81900

Kota Tinggi, Johor

Tarikh : 5 JULAI 2001



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

EN GHAZALLY BIN SPAHAT
Nama Penyelia

Tarikh: 5 JULAI 2001

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

BORANG PENGESAHAN STATUS SEMINAR KAJIAN KES*

JUDUL: PERSEPSI PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN KUiTTHO SEMESTER
PERTAMA TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN WEB

SESI PENGAJIAN: 2000/2001

Saya AZLAN BIN RAMLI (761130-11-5137) (MT 001020)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan seminar kajian kes * Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Hak milik Seminar Kajian kes adalah di bawah nama penulis melainkan penulisan sebagai projek bersama dan dibiayai oleh KUiTTHO, hakmiliknya adalah kepunyaan KUiTTHO.
2. Naskah salinan di dalam bentuk kertas atau mikro boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada penulis.
3. Perpustakaan KUiTTHO dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
4. Seminar kajian kes hanya boleh diterbitkan dengan kebenaran penulis. Bayaran royalti adalah mengikut kadar yang dipersetujui kelak.
5. * Saya membenarkan/ tidak membenarkan Perpustakaan membuat salinan seminar kajian kes ini sebagai bahan pertukaran diantara institusi pengajian tinggi.
6. ** Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : 18, Rumah Murah, Alur Lintang I,

EN GHAZALLY BIN SPAHAT

Nama Penyelia

22200 Besut, Terengganu.

Tarikh : 5 JULAI 2001

Tarikh: 5 JULAI 2001

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dekelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

BORANG PENGESAHAN STATUS SEMINAR KAJIAN KES*

JUDUL: PERSEPSI PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN KUiTTHO SEMESTER
PERTAMA TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN WEB

SESI PENGAJIAN: 2000/2001

Saya AHMAD TARMIZI BIN MUHAMAD (740101-11-5581) (MT 001006)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan seminar kajian kes * Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Hak milik Seminar Kajian kes adalah di bawah nama penulis melainkan penulisan sebagai projek bersama dan dibiayai oleh KUiTTHO, hakmiliknya adalah kepunyaan KUiTTHO.
2. Naskah salinan di dalam bentuk kertas atau mikro boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada penulis.
3. Perpustakaan KUiTTHO dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
4. Seminar kajian kes hanya boleh diterbitkan dengan kebenaran penulis. Bayaran royalti adalah mengikut kadar yang dipersetujui kelak.
5. * Saya membenarkan/ tidak membenarkan Perpustakaan membuat salinan seminar kajian kes ini sebagai bahan pertukaran diantara institusi pengajian tinggi.
6. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap : 773, Kg Durian Tinggi, Bukit

Payong, 21400 Marang Terengganu

Tarikh : 5 JULAI 2001



Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)

EN GHAZALLY BIN SPAHAT


Nama Penyelia

Tarikh: 5 JULAI 2001

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal”

Tandatangan :.....

Nama Penyelia : EN. GHAZALLY BIN SPAHAT

Tarikh : 5 Julai 2001

PERSEPSI PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN KUITTHO SEMESTER PERTAMA
TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN WEB

Oleh :

AHMAD TARMIZI BIN MUHAMAD

(MT 001006)

AZLAN BIN RAMLI

(MT 001020)

ANUAR BIN NORDIN

(MT 001016)

Kajian Kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional


Fakulti Teknologi Kejuruteraan


Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn


JULAI 2001

PENGAKUAN PENULIS

“ Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 
Nama Penulis : AHMAD FARMIZI BIN MUHAMAD
MT 001006

Tandatangan : 
Nama Penulis : AZLAN BIN RAMLI
MT 001020

Tandatangan : 
Nama Penulis : ANUAR BIN NORDIN
MT 001012

Tarikh : 5 JULAI 2001

DEDIKASI

Buat semua ahli keluarga tersayang

Teman dan rakan seperjuangan

Guru serta Pensyarah

Yang telah membimbing kami sehingga ke tahap ini

SEMOGA ALLAH MEMBALAS BAKTI YANG TELAH

KALIAN CURAHKAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah kami menyiapkan kajian kes ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu kami ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada En. Ghazally Bin Spahat selaku pembimbing yang sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta pelbagai nasihat sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada responden, pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal semester pertama KUiTTHO yang memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan terhadap penyelidikan yang dijalankan ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan, ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan diucapkan berbilang terima kasih dengan pengorbanan yang tidak ternilai.

Harapan kami, semoga kajian kes yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Insyaallah. .

WASSALAM

ABSTRAK

Pembelajaran berasaskan Web atau pendidikan maya adalah fenomena baru di dalam pembangunan pendidikan di Malaysia. Proses pembelajaran berasaskan Web ini boleh dilakukan dimana sahaja dan pada bila-bila masa tanpa memerlukan bilik darjah dan guru. Terdapat banyak perisian pembelajaran berasaskan Web ini telah digunakan oleh negara-negara barat seperti Blackboard, Topclass, Ecollege dan lain-lain lagi. Perisian ini menyediakan banyak kemudahan-kemudahan dalam cara untuk membantu penggunaanya untuk merasai satu pembelajaran yang lebih efektif berbanding dengan di bilik darjah. Walaubagaimanapun, sebagai bakal pengguna, kita seharusnya melihat dan mencuba kemudahan-kemudahan tersebut sebelum melaksanakannya di dalam sistem pendidikan kita. Oleh itu, kajian ini telah dilakukan melalui kaedah kajian untuk melihat kemesraan-guna perisian Blackboard ini.

ABSTRACT

Web based learning or virtual education is a new phenomena in education development especially in Malaysia. Its process of learning will take place anywhere and at anytime without the needs for classroom and the teacher. There are numerous web course tools used by the western countries such as Blackboard, Top Class, Ecollege and etc. These web course tools provide many tools is assisting the users in experiencing an effective learning environment better than in a classroom. However, as a new intended user, we need to look at and try the tools before implementing it in our education system. Thus, this research is done through assessment based on research, in order to know the user-friendliness of the Blackboard course tools.

DAFTAR KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENYERAHAN SEMINAR KAJIAN KES	i
	PENGESAHAN PENYELIA	ii
	HALAMAN JUDUL	iii
	PENGAKUAN PENULIS	iv
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	DAFTAR KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv

BAB I : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Penyataan Masalah	3
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Definisi Istilah	5
1.7	Andaian Kajian	6
1.8	Kerangka Teori	6

1.9	Had Kajian	10
-----	------------	----

BAB II : SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Pengetahuan Komputer Mempengaruhi Proses Pembelajaran	12
2.3	Pembelajaran Sarjana Pendidikan KUiTTHO	13
2.4	Pembelajaran Berasaskan Web	14
2.5	Kemudahan Laman Web Blackboard	20

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Rekabentuk Kajian	22
3.2	Tempat Kajian	23
3.3	Pengumpulan Data	24
3.4	Instrumen Kajian	24
3.5	Prosedur Kajian	25
3.6	Analisa Data	26
3.7	Andaian Kajian	32
3.8	Limitasi Kajian	32
3.9	Penutup	33

BAB IV : ANALISIS DATA

4.1	Analisis Reaksi Pelajar	34
-----	-------------------------	----

\

BAB V : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	40
5.2	Perbincangan Dan Cadangan	41
5.3	Rumusan	45

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN	47
--------------------------------	-----------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan dan peratusan responden mengikut umur	27
3.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	27
3.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut daerah kediaman	28
3.4	Bilangan dan peratusan responden menunjukkan faktor pengetahuan mempengaruhi penggunaan laman Web	29
3.5	Bilangan dan peratusan responden menunjukkan faktor kemudahan penggunaan komputer di KUiTTTHO mempengaruhi penggunaan laman Blackboard	30
3.6	Bilangan dan peratusan responden menunjukkan faktor konsep laman Web Blackboard mempengaruhi responden dalam proses pembelajaran	31
4.1	Bilangan dan peratusan responden mengikut umur	34
4.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	35
4.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut daerah kediaman	36
4.4	Bilangan dan peratusan responden menunjukkan faktor	

	pengetahuan mempengaruhi penggunaan laman Web	37
4.5	Bilangan dan peratusan responden menunjukkan faktor kemudahan penggunaan komputer di KUiTTHO mempengaruhi penggunaan laman Blackboard	38
4.6	Bilangan dan peratusan responden menunjukkan faktor konsep laman Web Blackboard mempengaruhi responden dalam proses pembelajaran	39

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Model Trochim	7
1.2	Model Yusuf	7
1.3	Kerangka Teori	9

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Teknologi pengajaran semakin pesat membangun dan semakin canggih. Bermula dari papan hitam dan kapur di awal kemerdekaan, diikuti dengan transparensi dan projektor sehinggalah kini kepada komputer. Pengajaran Berbantuan Komputer (PBK) merupakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berasaskan komputer dan menjadikan pembelajaran itu lebih mudah dan lebih di minati. Menurut Rao (1991), Pengajaran Berbantuan Komputer ialah satu strategi atau bentuk P&P yang menggunakan komputer untuk menyampaikan seluruh atau sebahagian dari isi kandungan mata pelajaran.

Penglibatan Komputer di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bermula dari persembahan iaitu penggunaan berbagai perisian untuk persembahan seperti Power Point, Excell, Access dan berbagai lagi. Pengajaran Berbantuan Komputer terdiri daripada gabungan perkakasan dan perisian yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada sebagai media pengajaran ataupun alat pembelajaran. Terdapat beberapa kaedah dan pendekatan P&P yang sering digunakan dalam Pengajaran

Berbantuan Komputer (PBK). Antara bentuk yang sering digunakan ialah latih tubi, tutorial dan juga asimilasi (Lee, 1993). Teks, gambar, bunyi dan animasi yang digabungkan di dalam PBK akan memberi gambaran yang lebih jelas dan mempercepatkan pemahaman pelajar. Kemudiannya dunia pendidikan diperkenalkan pula dengan internet dan laman Web. Penemuan baru ini menyediakan saluran maklumat yang cukup luas disamping kemudahan-kemudahan lain seperti surat-menyurat, chat, ruangan forum dan berbagai lagi.

Kesannya teknologi pengajaran kita kini telah sedikit demi sedikit beralih kepada pengajaran maya. Menurut Prof. Abdullah Hassan, pengajaran maya adalah pengajaran melalui komputer. Pengajaran tersebut membolehkan pelajar sendiri yang menentukan jadual pembelajaran mereka pada bila-bila masa yang mereka suka bermula dari pemilihan kursus, waktu belajar, latihan, ujian dan peperiksaan. P&P sebegini telah mengubah corak pengajaran dahulu iaitu daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar. Dahulu pengajaran dilakukan oleh guru dengan menyediakan nota-nota serta latihan iaitu dikenali sebagai syarahan (Leight Zeits, 1998) dan kini pengajaran adalah secara pendidikan maya atau berasaskan Web. Sungguhpun pembelajaran berasaskan Web sudah lama diamalkan di negara barat tetapi di Malaysia ia merupakan fenomena baru dan masih lagi diperingkat perancangan, misalnya pelaksanaan komputer sebagai media pengajaran sepenuhnya di sekolah bestari. Namun begitu penyelidik mendapati bahawa Universiti Teknologi Malaysia, Kolej Tun Abd. Rahman dan Universiti Multimedia telah pun melaksanakan pendidikan berasaskan Web bagi berbagai kursus.

Pembelajaran berasaskan Web dapat menggambarkan perubahan terkini keadaan semasa yang terus akan berlaku. Kaedah laman Web dianggap baru bagi setengah-setengah institusi pendidikan serta dikalangan para pensyarah berbanding dengan kaedah kuliah yang telah bertapak kukuh sejak sekian lama (Abd. Latif, 2000).

1.2 Latar Belakang Masalah

Gelombang IT mendorong seluruh sistem membuat perubahan termasuk sistem pendidikan di Malaysia. Laman Web merupakan satu lagi kaedah pembelajaran bagi pelajar berasaskan teknologi terkini dimana pelajar akan memerhati laman Web yang disediakan menerusi monitor komputer berangkaian internet dengan cara membaca dan berinteraksi dan seterusnya melakukan kerja-kerja mencatat atau membuat penyalinan dan latihan yang disediakan oleh pensyarah. Ianya boleh dikunjungi pada bila-bila masa tanpa batasan masa yang terhad. Perisian laman Web iaitu Blackboard akan diperkenalkan di KUiTTHO sebagai salah satu cara pembelajaran terkini bagi pelajar di institusi ini. Tinjauan yang akan dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah penerimaan pelajar ini terhadap pembelajaran berasaskan Web (Blackboard) ini dalam membantu pembelajaran mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Penyelidik mendapati bahawa terdapat berbagai perisian bagi pembelajaran Web telah digunakan dalam pembelajaran oleh negara-negara barat (<http://multimedia.marshall.edu/cit/webct/compare/comparison.html>).

Penyelidik telah diperkenalkan dengan perisian Blackboard di KUiTTHO dan pembelajaran adalah bermula dari penyediaan nota, demonstrasi, perbincangan, ujian dan sehinggalah kepada analisis serta laporan pencapaian murid berlaku secara automatik. Penyelidik ingin mengetahui persepsi pelajar sarjana pendidikan KUiTTHO semester pertama terhadap pembelajaran berasaskan Web.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang penyelidik fikirkan perlu dijawab oleh kajian ini nanti. Persoalan tersebut ialah :

1. Adakah faktor **Pengetahuan** tentang laman Web mempengaruhi pelajar semasa menggunakan laman Blackboard dalam proses pembelajaran mereka?
2. Adakah faktor **Kemudahan Penggunaan Komputer** di KUiTTHO mempengaruhi pelajar untuk menggunakan laman Blackboard dalam proses pembelajaran mereka?
3. Adakah faktor **Konsep** laman Web Blackboard dapat mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran mereka?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang menyelami penggunaan perisian pembelajaran berasaskan Web berdasarkan pengalaman seseorang bukannya berdasarkan fakta-fakta kenyataan yang dikeluarkan oleh pencipta perisian ini ataupun lanjutan dari kajian terdahulu. Oleh itu, diharapkan ia akan dapat membantu penyelidik lain ataupun pihak yang berminat dalam membuat pertimbangan yang tepat mengenai penggunaanya kelak. Malahan dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran tentang masalah yang dihadapi oleh seseorang apabila menggunakannya terutamanya dalam melahirkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang sebenar.

1.6 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang perlu penjelasan yang lebih lanjut bagi memahami kajian ini. Istilah tersebut adalah:

a) Komputer

Komputer ialah mesin elektronik yang berteknologi tinggi yang digunakan untuk menjalankan tugas seperti menaip dan membuat kiraan yang berunsurkan grafik dan audio (Rosni Adom, 2000).

b) Internet

Internet ialah suatu teknologi jaringan komunikasi komputer yang membolehkan komputer berhubung di antara satu sama lain untuk berkongsi maklumat dan adalah bentuk pembelajaran peringkat tertinggi (Daing, Silong and Gan 1997).

c) Laman Web

Laman Web adalah dipersembahkan menggunakan perisian *Frontpage* dan *PowerPoint*. Laman Web ditentukan bermaklumat yang sahih, mudah dan cepat untuk dicapai dengan rekabentuk grafik yang ringkas (Abdul Latif, 2000).

d) Pelajar Sarjana Pendidikan

Pelajar Sarjana Pendidikan ialah pelajar yang dilatih untuk menjadi tenaga pengajar Politeknik yang telah mempunyai kelulusan sarjana muda sebelum mengikuti kursus ini. Di dalam penyelidikan ini, pelajar sarjana ini adalah tergolong dari pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang kini dalam pengajian semester pertama mereka dan akan tamat pengajian seterusnya akan ditugaskan sebagai pensyarah Politeknik diseluruh Malaysia.

e) Perisian Pembelajaran Web

Perisian Pembelajaran Web ini merujuk kepada Blackboard yang diperolehi daripada laman Web. (<http://www.blackboard.com>)

1.7 Andaian Kajian

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan kepada empat (4) andaian sahaja seperti berikut:

- a) Perisian ini akan berfungsi seperti sepenuhnya iaitu tidak ada *bugs* dan sebagainya.
- b) Rangkaian komputer di KUiTTTHO akan berfungsi tanpa masalah.
- c) Pelajar yang telah mempunyai pengalaman dalam menggunakan internet dan komputer untuk tugas harian sepanjang menjalani kursus pendidikan di KUiTTTHO.
- d) Pelajar sering menggunakan laman Web Blackboard untuk mendapatkan maklumat pendidikan.

1.8 Kerangka Teori

Diantara model pembelajaran berasaskan Web yang digunakan ialah Model Trochim (1996) dan Model Yusuf (1999).